

10 JUN 2000

Mahathir-IT/I

SYARIKAT IT JEPUN PATUT GUNA MSC SEBAGAI MEDAN UJIAN

Oleh: Mohd Ghazemy Mahmud

TOKYO, 10 Jun (Bernama) -- Syarikat-syarikat Jepun yang terlibat dalam teknologi maklumat patut menyertai pembangunan koridor raya multimedia (MSC) Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata: "Kami menggalakkan semua syarikat Jepun yang terlibat dalam teknologi maklumat datang ke Malaysia dan menggunakan MSC sebagai medan ujian."

Mereka boleh melabur, menyelidik dan malahan beroperasi dari sana kerana tidak mustahil untuk beroperasi secara antarabangsa dari MSC, katanya kepada pemberita pada satu sidang berita selepas melawat pusat penyelidikan dan pembangunan Higashi milik pembuat kereta Toyota dekat sini.

Mengenai peningkatan jumlah pusat multimedia yang serupa atau kacukan di seluruh dunia, Dr Mahathir berkata: "kacukan adalah kacukan tetapi seperti yang anda tahu tiada siapa yang mempunyai kawasan seperti yang kami ada.

"50 km kali 15 km, hampir merupakan sebuah negara yang berbeza dengan undang-undang yang berlainan, amalan yang berbeza dan dasar yang berlainan dengan dilengkapi semua infrastruktur yang diperlukan untuk IT," katanya.

Beliau berkata: "Saya fikir orang lain mungkin mempunyai satu jalan dan sebuah bangunan tetapi setakat ini tiada yang dapat menubuhkan sebuah koridor sebesar MSC. Jadi kami masih mempunyai kelebihan."

Mengenai perbincangan dengan pengasas dan ketua pegawai eksekutif SOFTBANK Masayoshi Son semalam, Dr Mahathir berkata: "beliau telah memberi jaminan bahawa beliau akan melakukan sesuatu di MSC. Kita menyambut baik hasrat ini."

Son telah secara agresif mengenalpasti dan melabur dalam syarikat-syarikat yang baru di peringkat permulaan Internet, pada awal pertumbuhan Internet, menjadikan SOFTBANK pengasas kepada revolusi Internet.

SOFTBANK memiliki sejumlah besar syarikat Internet dan mempunyai pemilikan dalam syarikat-syarikat saham mewah di Internet termasuk Yahoo!, E TRADE, E LOAN, InsWeb, BUY.com dan banyak lagi.

Mengenai kesan masalah perhijrahan cendekiawan terhadap pembangunan MSC, Perdana Menteri berkata: "ia bukan merupakan masalah besar. Tentunya kami menghadapi masalah pembayaran gaji tinggi seperti yang berlaku di Eropah dan Amerika."

Akibatnya, "orang yang kita hantar belajar di luar negeri cenderung untuk bekerja di sana tetapi dibandingkan dengan negara lain rakyat Malaysia lebih berminat untuk pulang."

Mengenai pertemuan para pemimpin Asean dengan Perdana Menteri Jepun Yoshiro Mori semalam, Dr Mahathir berkata Mori memberi jaminan bahawa beliau akan meneruskan dasar yang dijalankan oleh mendiang perdana menteri Keizo Obuchi.

Beliau berkata: "Obuchi telah banyak membantu Asean dan Malaysia dan kami diberi jaminan bahawa Mori akan terus dengan dasar mesra terhadap Asean."

Mengenai perlunya memberikan suara kepada negara-negara membangun pada mesyuarat G-8, kumpulan negara kaya, Dr Mahathir berkata: "ia merupakan perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat negara G-77 di Havana bahawa sebelum G-7 memutuskan sesuatu yang boleh menjejaskan ekonomi negara-negara membangun, mereka patut sekurang-kurangnya memberikan kita peluang untuk memberikan pandangan kita."

"Kita tidak berniat untuk duduk di meja yang sama, hanya berikan kita penerangan," katanya.

Beliau berkata Mori memberikan jaminan kepada para pemimpin Asean bahawa beliau akan menyampaikan mesej dari Asia pada mesyuarat di Okinawa bulan depan.

Dr Mahathir juga berkata beliau tidak percaya tentang "Abad Asia" kerana beliau percayakan konsep "Abad Dunia".

"Kita semua sepatutnya berkongsi semua perkara di seluruh dunia daripada membentuk blok-blok seperti Nafta (perjanjian perdagangan bebas Amerika Utara), Kesatuan Eropah dan kumpulan-kumpulan lain. Terdapat kekayaan yang mencukupi untuk dunia ini atau semua orang. Tidak perlu bagi sesiapa untuk menguasai segalanya atau dirinya," katanya.

Mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) beliau berkata: "terdapat tanda-tanda kini yang ia sedang diterima. Ia mungkin tidak akan dipanggil EAEC, anda boleh menamakannya Asean-Plus."

"Hakikatnya ialah Asia Tenggara dan Timur Laut Asia kini akan bersatu bukan untuk menentang sesiapa tetapi bagi manfaat seluruh dunia," katanya.

Mengulas mengenai pendirian berlembut Tabung Kewangan Antarabangsa terhadap cadangan penubuhan Tabung Kewangan Asia, Dr Mahathir berkata: "ia adalah sesuatu yang kami alu-alukan walaupun terdapat beberapa syarat yang dikenakan."

"Syarat-syarat yang membayangkan bahawa kami tidak boleh berbuat sesuatu yang akan merendah-rendahkan IMF...bukannya kami berniat demikian tetapi saya tidak fikir orang lain patut mengenakan syarat sedemikian," katanya.

"Kami telah cukup matang untuk melakukan perkara yang tidak akan membawa keburukan kepada orang lain," tegas beliau.

Mengulas laporan tentang saham KLSE yang terjejas akibat khabar angin mengenai perselisihan faham beliau dengan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Dr Mahathir berkata pasaran saham bergerak berdasarkan khabar angin, jika tiada khabar angin, mereka (penyedar khabar angin) akan mereka-reka sesuatu.

Contohnya, kata beliau, mereka telah memberitahu dunia bahawa Tun Daim dan Dr Mahathir sudah tidak sehaluan.

Beliau berkata: "sejak 15 tahun lepas dan hakikatnya kami masih terus bekerjasama, masih lagi tidak dapat meyakinkan orang ramai bahawa beliau (Daim) tidak akan meninggalkan kerajaan atau seumpamanya.

"Ramai yang seolah tahu apa yang difikirkan oleh Tun Daim dan saya, sehinggakan kami sendiri tidak tahu. Kami terpaksa bertanyakan kepada orang lain apa yang kami fikirkan," katanya.

Dr Mahathir tiba di Jepun pada Rabu untuk lawatan kerja seminggu dan menghadiri upacara pengkebumian mendiang perdana menteri Obuchi yang meninggal dunia bulan lepas.

Semasa lawatannya ke pusat R&D Toyota itu, Dr Mahathir memandu beberapa model terbaru syarikat itu di trek laju pusat berkenaan termasuk kereta kacukan Prius, yang menggunakan kuasa minyak dan bateri.

-- BERNAMA

GM RON